

**PENENTUAN HIERARKI BANDAR-BANDAR UTAMA DI NEGERI SABAH  
DENGAN MENGGUNAKAN TEKNIK *SCALOGRAM*.**

**ELCYNTHIA SALIANG**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2001

## ABSTRAK

Kajian mengenai sistem serta teori-teori petempatan telah lama dibuat dan menjadi perhatian ramai pengkaji yang kebanyakannya terdiri daripada ahli-ahli ekonomi serta ahli geografi. Kajian ini cuba mengaplikasikan idea pengkelasan bandar atau pusat petempatan untuk menghasilkan satu hierarki bandar dengan menggunakan teknik *Scalogram* sebagai alat perantaraan bagi lima pusat petempatan utama di negeri Sabah. Teknik *Scalogram* menggunakan indikator-indikator sebagai pengukur untuk menentukan hierarki bandar di mana indikator ini merupakan fungsi sesebuah pusat petempatan yang merangkumi aspek perkhidmatan dan kemudahan, sosial, ekonomi, dan perkhidmatan pengangkutan. Kaedah penentuan berdasarkan nilai Indeks Kepusatan digunakan dalam menganalisis dan menentukan kedudukan bandar-bandar tersebut. Walau bagaimanapun, kajian mengenai indikator-indikator yang sesuai akan dibuat terlebih dahulu agar hasil akhir iaitu senarai hierarki bandar yang diperolehi dapat memberikan satu gambaran yang baik mengenai corak petempatan di negeri Sabah. Indikator yang digunakan adalah diperolehi melalui kajian serta kaji selidik yang dijalankan di mana justifikasi penilaian yang diperolehi daripada hasil analisis setiap indikator turut dinyatakan. Pelan yang menunjukkan corak hierarki pusat-pusat petempatan disediakan bagi menunjukkan atau memberikan gambaran tentang corak petempatan di negeri Sabah.

## ABSTRACT

Study on the settlement systems and theories had been done a long time and it had also generates much interest among the researchers, which are mainly involves the geographers and economist. This study tries to adapt the idea of classifying the urban area or the main settlement with the Scalogram technique as the tool in order to form an urban hierarchy for five main settlement area in Sabah. The Scalogram technique use indicators as the measurement tools to determine the urban hierarchy, which these indicators are the urban functions that comprise certain aspect such as facilities, social, economy, and transportation. Centrality Indices method will be used to analysis and determine the settlements' rank. A study about the suitable indicators will also be carried out in order to produce a good picture of the settlement pattern in Sabah. Indicators that will be used were obtained from the result of the analysis, which justification for each indicator will also be mentioned. Plan showing the settlements' hierarchy pattern is presented to show or to give a picture about the settlement pattern in Sabah.